

>>Laporan dan foto MOHD FIRDAUS IBRAHIM

mfirdaus@hmetro.com.my  
(yang mengikuti lawatan media bersama Air Asia ke Pulau Boracay dan Clark, Filipina, baru-baru ini)

**S**EBAIK menjejakkan kaki ke pantai yang diiktiraf antara terbaik di dunia, tergamam seketika dibuatnya. Apakan tidak, Pulau Boracay yang hanya berke-  
luasan tujuh kilometer (km) panjang dan seluas 1,083 hektar 'menghidangkan' pesona indah yang sukar digambarkan dengan kata-kata.

Dengan pasirnya yang memutih, kebiruan air lautnya, terumbu karang dipenuhi hidupan laut dan hutan lipur yang menghijau, sememangnya tepat jolokan 'syurga' diberi pengunjung pada pulau yang pernah diiktiraf oleh Yahoo Travel dan BMW Tropical Beach antara pulau terbaik di dunia pada 1996.

Ibarat tidak kenal maka tidak cinta, sekalipun ia kunjungan kali pertama penulis ke sana bagi memenuhi lawatan media bersama penerbangan Air Asia ke Pulau Boracay dan Clark, jauh di sudut hati penulis bukan saja terpujau, malah jatuh

cinta pada keindahan pulau berkenaan.

Dua hari dan dua malam berada di Pulau Boracay sebelum rombongan kami dibawa melawat Subic Bay di Clark, ia memberi berkesempatan melakukan pelbagai aktiviti di pulau berkenaan. Yang sukar dilupakan tentu saja meneroka khazanah laut dengan melakukan snorkeling.

Biarpun aktiviti itu dilakukan hanya berhampiran kawasan pantai, keindahan terumbu karang dan kepelbagaian spesies hidupan laut seperti kuda laut, ikan dan tapak sulaiman memukau dan menghiburkan penulis.

Ini kerana, ratusan ikan daripada pelbagai spesies bagaikan menanti serta mengalu-alukan kedatangan penulis dan rakan. Sebaik memasukkan kaki ke dalam laut, ia mengelilingi anda.

Di kesempatan itu, penulis sempat memberikan makanan iaitu sebuku roti kepada pelbagai spesies hidupan laut sebagai tanda terima kasih kerana menyambut kehadiran penulis dan rakan.

Pengalaman ini mungkin boleh dirasai di mana-mana pulau di Malaysia namun penulis mengakui, ia mungkin nampak sama tetapi berbeza

CANTIK...pelbagai jenis spesies hidupan laut sempat dirakam penulis.

# Pesona Pulau Boracay

Mendapat gelaran 'syurga' berikutan pasirnya yang memutih, kebiruan air lautnya dan terumbu karangnya dipenuhi hidupan laut



CRYSTAL  
COVE

WE ARE  
HERE!

**KENANGAN...**penulis dan rakan media bersama petugas Air Asia bergambar di Crystal Cove.

kerana keindahan khazanah laut dan kepelbagaian spesies yang mendiami pulau berkenaan.

Selepas penat menerokai khazanah laut, keletihan terubat apabila dapat menikmati air kelapa dan aiskrim. Di sini, nelayan yang menggunakan sampian akan datang kepada anda dan menjualnya dengan harga murah.

Bagi penggemar aktiviti malam pula, penulis memberi jaminan bahawa anda tidak sesekali akan berasa bosan ketika berada di pulau berkenaan. Ini kerana, pelbagai aktiviti boleh dilakukan di sepanjang pantai.



Pantai Putih Boracay sepanjang empat kilometer adalah antara kawasan tumpuan pelancong yang menyediakan pelbagai kemudahan bagi aktiviti malam seperti kafe, restoran, bar dan pusat beli-belah.

Bagi mereka yang gemar membeli-belah, penulis memberi jaminan anda akan rambang mata dengan pelbagai cenderamata, pakaian yang kebanyakannya dihasilkan melalui kerja tangan penduduk di kawasan berkenaan. Malah, barangan dijual dengan harga murah.


Selepas letih membeli-belah, boleh saja menikmati kesegaran makanan laut disediakan di restoran sepanjang pantai. Pasti saja berselera untuk menikmati




**TEKUN...**pelukis melukis gambar pemandangan Pulau Boracay di baju.



**TEROKA...**penulis menerokai terumbu karang dan hidupan laut di Pulau Boracay.



**SEGAR...**makanan laut yang segar disediakan sepanjang Pantai Putih Boracay.



**JUAL...**nelayan tempatan menjual buah kelapa kepada penulis dan rakan.

dinamakan Pangkalan Tentera Laut AS. Di sini, anda boleh melihat kawasan perindustrian dan komersial yang dikenali sebagai kawasan bebas cukai Subic Bay.

Selain menjadi kawasan tumpuan buat penggemar membeli-belah, anda boleh singgah di beberapa lokasi pilihan seperti Zoobic Safari dan Ocean Adventure.

Di Zoobic Safari, pengunjung dibawa menerokai khazanah alam, selain melihat pelbagai binatang peliharaan. Yang penulis ingin kongsikan di sini adalah persembahan tarian berkonsepkan hutan daripada wakil orang asli Filipina sebagai mengalu-alukan kedatangan

Bagaimanapun, setiap aktiviti dipantau petugas zoo bagi memastikan keselamatan pengunjung.

Manakala, Ocean Adventure pula antara tempat paling digemari penulis di Subic Bay. Mana tidaknya, di sini penulis disajikan dengan pertunjukan pelbagai jenis haiwan darat dan laut yang terlatih.

Antara paling menarik perhatian adalah pertunjukan ikan lumba-lumba dan anjing laut yang menghiburkan dengan pelbagai aksi lucu dan kombinasi pergerakan menakjubkan.

Natijahnya, selain menjadi destinasi menarik dan murah

kelazatannya, pengunjung akan dihiburkan dengan persembahan 'live band'.

Jika menikmati makanan di pantai berkenaan, tidak lengkap jika pengunjung tidak merasai mangga tempatan. Anda boleh menikmatinya melalui minuman jus atau buah yang dijadikan jeruk dan jujurnya, ia sedap dan manis.

Malah, sepanjang pengamatan penulis, tarian api yang dilakukan penari lelaki dan wanita daripada golongan remaja di beberapa restoran sekitar pantai itu turut menyajikan pelbagai aksi menarik yang pasti menghiburkan.

Kepada yang keletihan atau sakit badan selepas melakukan pelbagai aktiviti riadah di siang hari, anda boleh melawat pusat urutan yang disediakan sepanjang pantai. Sama ada ingin melakukannya secara terbuka mahupun tertutup, anda menentukannya.

Penulis dan beberapa rakan yang berkesempatan mendapatkan khidmat urutan itu mengakui tukang urut di kalangan penduduk tempatan memang terlatih dalam melakukan urutan.

Selepas menikmati keindahan pulau itu, kami dibawa ke sebuah lagi destinasi pelancongan popular di Filipina iaitu Subic Bay.

Untuk makluman, Subic Bay adalah bekas tapak markas utama tentera laut Amerika Syarikat (AS)



**BERHIBUR...**penulis dihiburkan dengan pertunjukan live band.



**REHAT...**penulis menikmati keindahan malam di sebuah restoran di Pantai Putih Boracay.

## TRIVIA

Bermula 28 Mac 2012, Air Asia melebarkan sayap penerbangannya ke beberapa destinasi pelancongan popular di Filipina

- > dua penerbangan pergi dan balik disediakan Air Asia dari Kuala Lumpur ke Clark
- > dua penerbangan pergi dan balik dari Clark ke Kalibo (Boracay)
- > untuk info penerbangan, sila layari laman web Air Asia di [www.airasia.com](http://www.airasia.com)

diyakini mampu menghiburkan anda.

Di sini juga, pengunjung yang berani atau ingin mencabar diri berkesempatan memberi harimau makan.

untuk dikunjungi, Pulau Boracay dan Subic Bay adalah pusat pelancongan selamat.

Keramahan penduduknya dan kawalan keselamatan juga adalah satu jaminan daripada kerajaan Filipina kepada pengunjung untuk bertandang kembali.

**D'MALL...**antara premis yang menjual pelbagai cenderamata.

